



## 40 mahasiswa berbakti di Bukit Besi

Oleh: WAN NAZRUL HELMY WAN MOHD ZAIN

Kehadiran 40 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Kelab In-Smartive bagi menjayakan Projek Kilauan Mutiara melibatkan 81 murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Besi, Dungun Terengganu selama berkampung tiga hari mulai 22 Februari 2014 yang lalu memberi harapan baharu kepada para calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sekolah ini untuk turut maju berdaya saing seperti rakan-rakan mereka di bandar besar.

Inisiatif bersama UMP dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Bukit Besi ini turut mendapat sokongan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) melalui dana Empower ECER, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) serta dua anak syarikat kerajaan negeri Terengganu iaitu Pesaka Berhad dan Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Sdn. Bhd.

Menurut Pengurus Projek yang juga mahasiswi Tahun Dua di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) UMP, Siti Shafeera Kamal Azman Shah, 21, fokus utama projek ini ialah untuk memberi rangsangan prestasi akademik kepada para peserta supaya lebih yakin dan bersedia untuk menghadapi peperiksaan UPSR pada bulan September kelak dengan daya juang yang tinggi.

“Para mahasiswa UMP turut ditempatkan bersama keluarga angkat sepanjang program dan mereka didedahkan kepada pelbagai



modul interaktif seperti ‘Story Behind The Paper’, ‘Timeline’, Radio Buruk, ‘The Burj’ dan Muhasabah Diri dan turut diuji untuk mereka bentuk peralatan daripada bahan terbuang melalui modul ‘Inovasi’.

Manakala bagi mahasiswa UMP, selain berperanan sebagai fasilitator, mereka turut terlibat berpeluang bermesra dengan masyarakat setempat melalui aktiviti gotong-royong di Masjid Bukit Besi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Bukit Besi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Kepenggunaan dan Koperasi Terengganu, Roslee Daud hadir merasmikan penutupan projek mengalu-alukan inisiatif UMP ini dan berharap penganjurannya dapat diteruskan secara tahunan.



Pihaknya juga memerlukan sokongan padu ibu bapa bagi mentransformasi prestasi akademik anak mereka dan mengambil pelbagai peluang yang disediakan oleh kerajaan.

Dalam majlis ini, beliau turut menyampaikan Anugerah Peserta Terbaik kepada Muhammad Fariz Muizzudin Safinei dan Nor Fakhirah Ayob. Turut sama dalam majlis ialah Penolong Pegawai Pendidikan Dungun, Alias Sulaiman; Eksekutif Kanan ECERDC Terengganu, Khairul Rizal Kheli Huzaman; Guru Besar SK Bukit Besi, Adam Samsudin; Pengerusi PIBG SK Bukit Besi, Ahmad Bakhr Chik; Ketua Penyelidik Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Asraf Ahmad.